CIMB ISLAMIC
CIMB ISLAMIC BANK BERHAD 200401032872

# NOTIS PENTING: PINDAAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT CIMB DURIAN-i KEMPEN RIUH DURIAN RUNTUH 2024

Pelanggan yang Dihormati,

Kami dengan ini memberi anda notis dua puluh satu (21) hari untuk Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang disemak untuk CIMB DURIAN-i "Kempen Riuh Durian Runtuh 2024" berkuat kuasa mulai 1 Julai 2024.

Untuk memudahkan rujukan, anda boleh merujuk jadual di bawah untuk Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang telah disemak.

| Klausa Sedia Ada | Klausa Disemak |
|---|---|
| 6. Kategori individu/entiti berikut TIDAK akan layak untuk menyertai Kempen ini: -<br>a) Perusahaan kecil sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat sebagaimana yang akan ditentukan oleh CIMB yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, organisasi/pertubuhan amal/bukan untung, kelab, persatuan, koperasi dan perkongsian profesional;<br>b) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun; dan/atau<br>c) Kakitangan CIMB Islamic Bank Berhad dan CIMB Bank Berhad yang terlibat secara langsung dalam proses pemilihan Pemenang bagi Kempen ini. | 6. Kategori individu/entiti berikut TIDAK akan layak untuk menyertai Kempen ini: -<br>a) Perusahaan kecil sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat sebagaimana yang akan ditentukan oleh CIMB yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, organisasi/pertubuhan amal/bukan untung, kelab, persatuan, koperasi dan perkongsian profesional;<br>b) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun;<br>c) **Kakitangan Kumpulan CIMB* (termasuk anak syarikat dan syarikat berkenaannya) yang terlibat secara langsung dalam proses pemilihan Pemenang bagi Kempen ini.**<br>d) **Kakitangan Kumpulan CIMB* (termasuk anak syarikat dan syarikat berkenannya) yang TIDAK terlibat secara langsung dalam proses pemilihan Pemenang untuk Kempen, layak untuk menyertai kategori Hadiah Suku Tahunan tetapi TIDAK layak untuk menyertai kategori Hadiah Akhir Tahun .**<br><br>***"Kumpulan CIMB" merujuk kepada kumpulan syarikat/entiti undang-undang di mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat pemegangan muktamad CIMB mempunyai kepentingan mengawal, secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan sendirinya atau melalui anak-anak syarikatnya.** |
| 9. Pelanggan Layak boleh menyertai Kempen ini dan berpeluang memenangi Hadiah yang ditawarkan dengan memperolehi "Penyertaan" mengikut cara yang dinyatakan di bawah: -<br><br><u>Jadual 1: Mekanik Kempen</u><br>*Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat* | 9. Pelanggan Layak boleh menyertai Kempen ini dan berpeluang memenangi Hadiah yang ditawarkan dengan memperolehi "Penyertaan" mengikut cara yang dinyatakan di bawah: -<br><br><u>Jadual 1: Mekanik Kempen **(Dikemaskini dan Baharu)**</u><br>*Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat* |

| | |
|---|---|
| 9. Jadual 1: Mekanik Kempen, Jadual 2: Illustrasi Pengiraan Jumlah Penyertaan<br><br>11. d) , e)<br><br>CIMB Octo App | 9. Jadual 1: Mekanik Kempen, Jadual 2: Illustrasi Pengiraan Jumlah Penyertaan<br><br>11. d) , e)<br><br>Aplikasi CIMB OCTO |
| 9. Jadual 2: Ilustrasi Pengiraan Jumlah Penyertaan<br><br>Ilustrasi 3: Pelanggan Layak C membuka Akaun DURIAN-i baharu pada Julai 2024 | 9. Jadual 2: Ilustrasi Pengiraan Jumlah Penyertaan<br><br>**Ilustrasi 3: Pelanggan Layak C membuka Akaun DURIAN-i baharu pada Julai 2024 (Dikemaskini)**<br>*Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat*<br><br>**Ilustrasi 4: Pelanggan Layak D membuka Akaun DURIAN-i baharu pada Ogos 2024 (Baharu)**<br>*Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat*<br><br>**Ilustrasi 5: Pelanggan Layak E membuka Akaun DURIAN-i baharu pada April 2024 (Baharu)**<br>*Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat* |
| 11. Bagi tujuan Kempen ini:<br><br>(a) “Baki Purata untuk Suku Tahun” bermaksud jumlah baki purata akhir bulan yang layak bagi Akaun DURIAN-i Pelanggan Layak pada suku tahun dibahagikan dengan jumlah bilangan bulan yang layak pada suku tersebut.<br><br>Sebagai contoh:<br>Pada 1 Januari 2024, Pelanggan Layak D membuka Akaun DURIAN-i dan menempatkan RM500 ke dalam akaun. Pelanggan Layak D mengekalkan baki harian yang sama sehingga 31 Januari 2024.<br>*Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat*<br><br>Pada 1 Februari 2024, Pelanggan Layak D menempatkan RM1,000 dan mengekalkan baki harian yang sama sehingga 29 Februari 2024<br>*Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat*<br><br>Pada 1 Mac 2024, Pelanggan Layak D menempatkan RM1,500 dan mengekalkan baki harian yang sama sehingga 31 Mac 2024<br>*Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat*<br><br>Baki Purata untuk Suku Tahun:<br>*Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat* | 11. Bagi tujuan Kempen ini:<br><br>(a) “Baki Purata untuk Suku Tahun” bermaksud jumlah baki purata akhir bulan yang layak bagi Akaun DURIAN-i Pelanggan Layak pada suku tahun dibahagikan dengan jumlah bilangan bulan yang layak pada suku tersebut.<br><br>Sebagai contoh:<br>Pada 1 Januari 2024, Pelanggan Layak **F** membuka Akaun DURIAN-i dan menempatkan RM500 ke dalam akaun. Pelanggan Layak D mengekalkan baki harian yang sama sehingga 31 Januari 2024.<br>*Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat*<br><br>Pada 1 Februari 2024, Pelanggan Layak **F** menempatkan RM1,000 dan mengekalkan baki harian yang sama sehingga 29 Februari 2024<br>*Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat*<br><br>Pada 1 Mac 2024, Pelanggan Layak **F** menempatkan RM1,500 dan mengekalkan baki harian yang sama sehingga 31 Mac 2024<br>*Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat*<br><br>Baki Purata untuk Suku Tahun:<br>*Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat* |

| | |
|---|---|
| Bagi kes ini, Pelanggan Layak D akan menerima 10 penyertaan untuk berpeluang memenangi Hadiah Suku Tahunan. | Bagi kes ini, Pelanggan Layak **F** akan menerima 10 penyertaan untuk berpeluang memenangi Hadiah Suku Tahunan<br><br>**Senario 2: (Baharu)**<br><br>**Pada 1 Julai 2024, Pelanggan Layak G membuka Akaun DURIAN-i dan menempatkan RM6,000 ke dalam akaun. Pelanggan Layak G mengekalkan baki harian yang sama sehingga 31 Julai 2024.**<br>***Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat***<br><br>**Pada 1 Ogos 2024, Pelanggan Layak G menempatkan RM8,000 dan mengekalkan baki harian yang sama sehingga 31 Ogos 2024.**<br>***Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat***<br><br>**Pada 1 September 2024, Pelanggan Layak G menempatkan RM9,000 dan mengekalkan baki harian yang sama sehingga 30 September 2024.**<br>***Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat***<br><br>**Baki Purata untuk Suku Tahun:**<br>***Rujuk jadual dalam terma-terma dan syarat-syarat***<br><br>**Bagi kes ini, Pelanggan Layak G akan menerima 76 penyertaan daripada "Setiap peningkatan Baki Purata sebanyak RM100 pada Suku Tahun" dan 50 penyertaan daripada "Tambahan: Mengekalkan baki purata RM5,000 hingga RM9,999 untuk suku tersebut", sejumlah 126 penyertaan untuk berpeluang memenangi Hadiah Suku Tahunan (Suku ke-tiga) 2024.** |
| 11 (c) "Penyertaan Tambahan" bagi Transaksi "Debit Kad" Layak hendaklah bermaksud mana-mana transaksi pembelian tempatan dan luar negara yang didebitkan daripada Akaun Penyertaan dengan perbelanjaan dengan menggunakan Kad Debit CIMB bagi barangan dan perkhidmatan yang ditanggung untuk penggunaan peribadi. | 11 (c) **Hanya untuk Hadiah Suku Tahunan (Suku Pertama 2024 dan Suku Kedua 2024):** "Penyertaan Tambahan" bagi Transaksi "Debit Kad" Layak hendaklah bermaksud mana-mana transaksi pembelian tempatan dan luar negara yang didebitkan daripada Akaun Penyertaan dengan perbelanjaan dengan menggunakan Kad Debit CIMB bagi barangan dan perkhidmatan yang ditanggung untuk penggunaan peribadi. |
| 11 (d) "Penyertaan Tambahan" bagi Transaksi "Octo App" Layak hendaklah termasuk mana-mana transaksi berikut daripada Akaun DURIAN-i yang dilakukan melalui CIMB Octo App: | 11 (d) **Hanya untuk Hadiah Suku Tahunan (Suku Pertama 2024 dan Suku Kedua 2024)**: "Penyertaan Tambahan" bagi Transaksi "**Aplikasi CIMB OCTO**" Layak hendaklah termasuk mana-mana transaksi berikut daripada Akaun DURIAN-i yang dilakukan melalui Aplikasi CIMB OCTO: |

| | |
|---|---|
| 11 (e) “Penyertaan Tambahan” bagi “Pembayaran kepada Badan Kebajikan dan Zakat” hendaklah diberikan kepada Pelanggan Layak bagi jumlah minimum RM50 yang didebitkan daripada Akaun DURIAN-i ke Badan Kebajikan dan Zakat seperti yang dinyatakan di Jadual 3.<br><br>Jadual 3: Penyertaan Tambahan bagi Pembayaran kepada Badan Kebajikan dan Zakat setakat Disember 2023<br><br>Pemindahan Dana Melalui Octo App ke Payee ID Yang Tersenarai Di Bawah: | 11 (e) **Hanya untuk Hadiah Suku Tahunan (Suku Pertama 2024 dan Suku Kedua 2024):** “Penyertaan Tambahan” bagi “Pembayaran kepada Badan Kebajikan dan Zakat” hendaklah diberikan kepada Pelanggan Layak bagi jumlah minimum RM50 yang didebitkan daripada Akaun DURIAN-i ke Badan Kebajikan dan Zakat seperti yang dinyatakan di Jadual 3.<br><br>Jadual 3: Penyertaan Tambahan bagi Pembayaran kepada Badan Kebajikan dan Zakat setakat Disember 2023<br><br>Pemindahan Dana Melalui ~~**Octo App ke**~~ Payee ID Yang Tersenarai Di Bawah: |
| 11 (f) “Penyertaan Tambahan” bagi “Pelanggan CAW Baharu dan gaji minimum RM3,000 sebulan” hendaklah diberikan kepada Pelanggan Layak seperti di bawah: | 11 (f) **Hanya untuk Hadiah Suku Tahunan (Suku Pertama 2024 dan Suku Kedua 2024):** “Penyertaan Tambahan” bagi “Pelanggan CAW Baharu dan gaji minimum RM3,000 sebulan” hendaklah diberikan kepada Pelanggan Layak seperti di bawah: |
| 12. Penentuan CIMB tentang apa yang membentuk Transaksi Layak adalah muktamad, terikat dan konklusif. Pelanggan Layak mesti mendapat penyertaan daripada "Baki Purata Suku Tahunan/Akhir Tahun" terlebih dahulu untuk layak mendapat "Penyertaan Tambahan". | 12. Penentuan CIMB tentang apa yang membentuk Transaksi Layak adalah muktamad, terikat dan konklusif. ~~**Pelanggan Layak mesti mendapat penyertaan daripada "Baki Purata Suku Tahunan/Akhir Tahun" terlebih dahulu untuk layak mendapat "Penyertaan Tambahan".**~~ |

Terima kasih.

Pihak Pengurusan
CIMB Islamic Bank Berhad